



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (26 DISEMBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **enam (6) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Bintulu (5) dan Lawas (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,105 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **i. Daerah Lawas: Saringan Untuk Melakukan Perjalanan Ke Miri (1 Kes Baharu Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,100** merupakan seorang perempuan warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana ingin melakukan perjalanan ke Miri untuk melawat keluarga. Sebelum ke Miri, kes telah menjalani ujian RT-PCR pada 24 Disember 2020 dan keputusan adalah positif untuk COVID-19.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala dan dirujuk ke Hospital Miri untuk mendapatkan rawatan lanjut. Kes tiada sejarah pergerakan keluar dari Lawas dan tidak mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19.

Siasatan lanjut serta pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

## **ii. Daerah Bintulu: 5 Kes Baharu**

### **a) Saringan Untuk Pekerja Kilang (1 Kes Baharu Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,101** merupakan seorang lelaki warganegara Afrika Selatan yang menjalani saringan untuk pekerja kilang di Bintulu. Kes telah menjalani saringan pada 24 Disember 2020 dan keputusan mendapati kes adalah positif.

Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala dan telah dirujuk ke Hospital Bintulu untuk mendapat rawatan lanjut. Kes tidak mempunyai sejarah pergerakan keluar dari Bintulu atau mempunyai kontak dengan kes positif COVID-19. Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

**b) Saringan Saringan Individu Balik dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 iaitu Terengganu (1 Kes Baharu Import-B)**

**Kes 1,102** merupakan seorang lelaki warga tempatan (Terengganu) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Terengganu. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Bintulu pada 17 Disember 2020 dan diarahkan untuk menjalani kuarantin di rumah.

Kes menjalani saringan pertama pada 17 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah negatif. Kes kemudiannya menjalani saringan kedua pada 24 Disember 2020 dan didapati positif. Kes telah dirujuk ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes mempunyai sejarah berkunjung ke Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 16 Disember 2020 sebelum masuk ke Sarawak. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import-B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

**c) Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 Iaitu Putrajaya (1 Kes Baharu Import-B)**

**Kes 1,103** merupakan seorang petugas kesihatan warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Putrajaya. Kes masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Bintulu pada 17 Disember 2020 dan diarahkan untuk menjalani kuarantin di rumah. Kes menjalani saringan pertama pada 17 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah negatif. Kes kemudiannya menjalani saringan kedua pada 24 Disember 2020 dan didapati positif. Kes telah dirujuk ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut.

Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

**d) Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 Iaitu Perak (1 Kes Baharu Import-B)**

**Kes 1,104** merupakan seorang pelajar lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Perak. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Bintulu pada 17 Disember 2020 dan telah diarahkan untuk menjalani kuarantin di rumah.

Kes menjalani saringan pertama pada 17 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah negatif. Kes kemudiannya menjalani saringan kedua pada 24 Disember 2020 dan didapati positif. Kes telah dirujuk ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut.

Pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan dan kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

**e) Saringan Individu Balik Dari Kawasan Berisiko Tinggi Jangkitan COVID-19 Iaitu Kuala Lumpur (1 Kes Baharu Import-B)**

**Kes 1,105** merupakan seorang pelajar lelaki warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 sebagai individu yang baru balik dari kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19 iaitu dari Kuala Lumpur. Kes telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Bintulu pada 17 Disember 2020 dan telah diarahkan untuk menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin di Bintulu.

Kes menjalani saringan pertama pada 17 Disember 2020 dan keputusan ujian adalah negatif untuk COVID-19. Kes kemudiannya menjalani saringan kedua pada 24 Disember 2020 dan didapati positif. Kes telah dirujuk ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut.

Kes mempunyai sejarah menghadiri majlis keagamaan di Sri Petaling, Kuala Lumpur dalam tempoh 14 hari sebelum masuk ke Sarawak. Siasatan lanjut serta pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu mendapat jangkitan semasa berada di kawasan berisiko tinggi jangkitan COVID-19.

## **B. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hosiptal**

**Terdapat satu (1)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini di Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,062** orang atau **96.11%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **24** orang iaitu:

- Sepuluh (10) kes di Hospital Umum Sarawak;
- Enam (6) kes di Hospital Miri;
- Lima (5) kes di Hospital Bintulu; dan
- Tiga (3) kes di Hospital Sibul.

Hari ini, **enam (6) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada PUI** yang menunggu keputusan ujian makmal.

## **C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak**

Hari ini, **Daerah Bintulu dan Daerah Lawas telah bertukar status dari Hijau kepada Kuning setelah masing-masing melaporkan satu (1) kes jangkitan tempatan.** Daerah Sibul dan Kuching kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan tiga (3) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu dua (2) kes di Daerah Sibul dan satu (1) kes di Daerah Kuching. Manakala 36 daerah lain kekal berstatus hijau.

## **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **16 kompaun** di Daerah Serian (11), Kuching (4) dan Miri (1) kerana telah melanggar SOP.

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **50 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (17), SMC (15), DBKU (9), MBKS (5), MD Serian (2) dan BDA (2).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**26 DISEMBER 2020**

**5.00 PETANG**

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### 1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	1099	Total Cases still in ward	24	2.17%
New Cases	6	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	208,439	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1105	Total Death Cases	19	1.72%
IR per 100,000 population	35.82	Recovered and discharged cases	1,062	96.11%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	2	9,991	6	11,096
Pending Result	0	0		
			<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	10	3	5	6	0	24
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	1	0	0	0	1
	Cummulative	884	43	50	79	1058
Total re-admission cases ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	1	30	1	12	0	11	0	0	1	1	1
2	Bintulu	5	334	5	55	0	50	0	0	5	5	1
3	Sibu	0	132	0	26	0	23	0	0	3	7	2
4	Kuching	0	7,516	0	726	1	708	0	12	6	8	1
Jumlah		6	8012	6	819	1	792	0	12	15	21	5

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	336	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Miri	0	917	0	63	0	57	0	1	5	5	0
3	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
5	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Lubok Antu	0	29	0	4	0	3	0	0	1	1	0
7	Bau	0	188	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	9	0	4	0	3	0	0	1	1	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	1	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>3,084</b>	<b>0</b>	<b>286</b>	<b>0</b>	<b>270</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>0</b>

<b>Jumlah Besar</b>	<b>6</b>	<b>11,096</b>	<b>6</b>	<b>1,105</b>	<b>1</b>	<b>1,062</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>24</b>	<b>30</b>	<b>5</b>
---------------------	----------	---------------	----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **323 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **42 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,880 orang**. Manakala seramai **44,311 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 26.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,118)</b>	Hock Lee	124
2		Grand Dormani	32
3		Kuching Park	135
4		Pullman	449
5		Hilton	182
6		Harbour View	152
7		Riverside (Astana Wing)	185
8		Grand Margherita	212
9		Imperial Boulevard	33
10		Tune Hotel	84
11		Dormani Hotel	39
12		Grand Continental	159
13		Meritin	21
14		Longhouse	55
15		Abell	57
16		Lot 10	55
17		Telang Usan	44
18		Imperial Riverbank	100
19	<b>Miri (1,007)</b>	Mega Hotel	129
20		Somerset	50
21		Imperial Palace	238
22		Eastwood Valley	76
23		Imperial New Wing	84
24		Paragon	57
25		Meritz	125
26		Miri	38
27		Dynasty	127
28		Kenyalang Suite	18
29		Citi Hotel	29
30		Nova	36
31	<b>Bintulu (365)</b>	Wasan Inn	30
32		Fairfield by Marriot	161
33		Kidurong Inn	60
34		Motel Kapok	66
35		Faber Inn	32
36		AA Inn	16
37	<b>Limbang (130)</b>	Purnama	18
38		Seri Malaysia (Lawas)	82
39		Mandarin (Lawas)	30
40	<b>Sibu (118)</b>	Premier	118
41	<b>Samarahan (142)</b>	INFRA	67
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	75
<b>Jumlah PUS</b>			<b>3,880</b>

**3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)**

Hari ini, sebanyak **tiga (3) lokasi di Kuching (2) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,109 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 26.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>2</b>	<b>708</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>433</b>
3	Sibu	TIADA	199
4	Samarahan	TIADA	139
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	120
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	71
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,109</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **27 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 26.12.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	SMC	9
4	MCC	11
5	MD Marudi	3
<b>Jumlah</b>		<b>27</b>